

PM arah wakil rakyat tumpu masalah penduduk

UM-15/5/2007

Oleh ABD. RAZAK DIN
dan AMIZUL TUNIZAR
AHMAD TERMIZI

Kerjasama antara ahli Parlimen dan ADUN penting untuk mengagihkan apa jua kemudahan yang dikehendaki oleh rakyat

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

PULAU PANGKOR 14 Mei - Semua ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) perlu terus menggerakkan kemajuan di kawasan masing-masing dan memberi perhatian kepada masalah rakyat, tegas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, kerjasama antara ahli Parlimen dan ADUN penting bagi membolehkan setiap permasalahan rakyat dibawa untuk tinda-

kan kerajaan Pusat dan negeri. "Kerjasama antara ahli Parlimen dan ADUN penting untuk mengagihkan apa jua kemudahan yang dikehendaki oleh rakyat.

"Ini sangat penting demi menjaga kebajikan dan membawa pembangunan di kawasan mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi dialog tertutup selama dua jam dengan

ahli-ahli Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC) di Pangkor Island Resort di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali dan Pemangku Pengerusi BNBBC, Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar.

Abdullah berkata, menjadi tanggungjawab dan peranan wakil ra-

kyat untuk memberi penjelasan mengenai semua isu semasa termasuk dasar kerajaan kepada penduduk di kawasan masing-masing supaya ia dapat difahami.

"Seperti yang saya tegaskan bahawa segala isu semasa hendaklah ditangani dan jawapan perlu diberi berdasarkan maklumat Kementerian dan agensi terbabit.

"Menjadi tanggungjawab wakil rakyat untuk memberi penerangan mengenai isu-isu berkenaan kepada penduduk di kawasan mereka," katanya.

Mengulas pertemuan beliau dengan ahli-ahli BNBBC pada majlis dialog tertutup, Abdullah berkata, beliau mengingatkan me-

reka tentang kepentingan menjalankan tanggungjawab kepada semua rakyat tanpa mengira keturunan dan agama.

"Sebagai wakil rakyat Barisan Nasional, kita mewakili semua kaum dan keseluruhan pengundi tanpa mengira bangsa ataupun agama.

"Kita bekerja untuk rakyat, itulah yang saya ingatkan kepada mereka tadi," kata Perdana Menteri.

Abdullah berlepas pulang ke Kuala Lumpur tengah hari ini sebelum bertolak ke Pulau Langkawi petang ini untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.